

Penuhi keperluan generasi baharu Felda miliki kediaman sendiri

SUBANG JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menerusi sinergi dengan anak syarikatnya, MyANGKASA Bina Sdn Bhd (MBSB) menyasarkan pembangunan 1,000 unit rumah setahun bagi memenuhi keperluan generasi baharu Felda memiliki kediaman sendiri.

Untuk permulaan, kerjasama turut mendapat sokongan 12 koperasi terpilih yang dilantik menjadi Rakan Koperasi MBSB sekali gus mewakili komuniti generasi baharu Felda daripada rangkaian 317 rancangan Felda di seluruh negara.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, ketika ini terdapat kira-kira 30,000 lot tanah untuk dimohon oleh pemohon yang layak bagi tujuan pembangunan rumah di bawah inisiatif ini.

"Angkasa diberi tanggung-

jawab untuk sama-sama membantu secara berkelompok pemohon yang layak bagi mendapatkan bantuan pembiayaan dari institusi kewangan untuk tujuan membangunkan rumah.

"Terdapat lima model rumah yang boleh dipilih berdasarkan kemampuan bajet pemohon. Harga rumah bermula dari RM77,000 hingga RM253,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Perasmian Penutup dan Penyerahan Watikah Pelantikan Koperasi sebagai Rakan Kongsi Koperasi MBSB di sini pada Khamis.

Tambah Abdul Fattah yang juga Presiden ASEAN Co-operative Organization, sinergi antara Angkasa, MBSB dan koperasi ini juga adalah bagi menyokong aspirasi kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 untuk membina 1



Abdul Fattah (belakang, lima dari kiri) bergambar kenangan bersama barisan tetamu kehormat dan wakil 12 koperasi terpilih yang dilantik menjadi Rakan Koperasi MBSB.

juta unit rumah mampu milik menjelang tahun 2035.

Selain itu, ia turut memperkasakan peranan gerakan koperasi dalam sektor hartanah dan pembangunan perumahan.

Ujarnya, dengan jaringan, pasaran dan kepercayaan komuniti, gerakan koperasi tidak boleh

hanya menjadi pengguna atau pemerhati kepada perkembangan industri hartanah.

"Sebaliknya koperasi perlu tampil sebagai pemain utama yang membantu menyediakan penyelesaian perumahan kepada anggota dan komuniti," katanya.

Koperasi perlu berani merebut

peluang dengan memainkan pelbagai peranan termasuk sebagai agen pemasaran projek perumahan, agen pengumpulan pembeli, penyedia perkhidmatan pembiayaan, pemilik tanah strategik dan juga pemaju hartanah koperasi pada masa hadapan.